

Projek Hope UMS bantu golongan kelainan upaya

UB 29.11.2014 A8

KOTA KINABALU: Menyedari terdapat ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini yang masih memerlukan bantuan dari segi kebajikan sehari-hari, sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan satu projek amal baru-baru ini bagi membantu golongan-

golongan yang memerlukan.

Bertemakan ‘Satu Cinta Satu Harapan’, kumpulan pelajar perhubungan awam bersama pelajar program Perniagaan Antarabangsa, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan menjalankan projek Hope ini bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan menghargai

dan menghulurkan bantuan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) yang dilihat tersisih dalam kalangan masyarakat setempat.

Menurut pengarah projek Lai Chiau Yi berkata, projek yang dijalankan turut mendapat sokongan oleh beberapa syarikat swasta yang memberi tajaan berupa barang

keperluan sehari-hari seperti makanan, alat tulis, ubat-ubatan dan sebagainya.

“Sokongan daripada syarikat swasta terhadap projek amal sebegini adalah satu perkembangan positif dan mampu memberi impak dalam memperhebatkan lagi aktiviti bertujuan kebajikan bagi membela nasib golongan-golongan kurang upaya dan kurang berkemampuan,” katanya.

Di bawah pimpinan pensyarah Perhubungan Awam, Charlie Albert Lasuin, kumpulan ini melaksanakan projek Hope mereka dengan mengadakan aktiviti membersihkan kawasan sekitar Tolumis Care Centre, Tuaran.

Mereka juga meluangkan masa beramah mesra, selain mengadakan aktiviti sukan bersama penduduk pusat tersebut yang terdiri daripada golongan OKU.

Kumpulan pelajar UMS seramai 35 orang ini turut berkunjung ke Sabah Cheshire Home, Likas, destinasi kedua mereka bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk rumah itu.



PARA pelajar UMS merakamkan gambar kenangan.